

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

20
JAN

PROFESOR AHMAD FARHAN DILANTIK TNC AA BAHARU USM

 **JABATAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA JALAN
DI SIMPANG DESASISWA HARAPAN**

Tarikh : ~~15~~ **16 Julai 2017** hingga
2 Ogos 2017

Semua kenderaan diminta mematuhi penggunaan laluan alternatif sehala di dalam kawasan Desasiswa Harapan seperti berikut :-

7.00 pagi - 2.00 ptg. : Laluan Sehala ke Pintu Sungai Dua
2.00 ptg. - 9.00 mlm. : Laluan Sehala ke Pintu Stadium

Maklumat lanjut, sila hubungi :
Jabatan Keselamatan 04-6534 999
Jabatan Pembangunan 04-6532 700
dev.usm.my

Segala kesulitan yang dihadapi amatlah dikesal.
Sekian, harap maklum.
Terima kasih.

b/p Pengarah
Jabatan Pembangunan



Pakar dalam bidang Kejuruteraan Pengangkutan, Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah, 50, telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sains Malaysia (USM) bermula 15 Mac 2017 selama tiga tahun.

Beliau menggantikan Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal, 58, yang mula menyandang jawatan tersebut pada 15 September 2007.

Ahmad Farhan, anak kelahiran Petaling Jaya, Selangor, memperolehi ijazah sarjana Muda Kejuruteraan Awam daripada The Catholic University of America, Washington DC. (1988); Diploma Imperial College (DIC) daripada Imperial College of Science, Technology and Medicine (1990); Sarjana Sains dalam bidang Pengangkutan (MSc in Transport, 1990) daripada University of London dan Doktor Falsafah dalam Pengajian Pengangkutan (Ph.D. in Transport Studies, 1995) daripada University of London.

Anak sulung dari tiga beradik ini adalah anak kepada seorang ahli ekonomi yang pernah berkhidmat dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) manakala ibunya adalah seorang guru dan pengetua sekolah yang pernah juga berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah USM pada tahun 1995, pernah menyandang jawatan Penyelaras Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi (2000 – 2004), Dekan Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi (2004 – 2006) dan Pengarah Inovasi, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi USM (2006 – 2007).

Ahmad Farhan kini adalah Pengarah Kampus Kejuruteraan USM dan juga Dekan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dan pernah juga dipinjamkan sebagai Ketua Pengarah Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) pada tahun 2008 – 2011. Sejak tahun 2016, beliau dilantik sebagai Ketua Kluster NBOS Keselamatan Jalanraya Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Ahmad Farhan turut terlibat dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan bidang kepakarannya iaitu pengangkutan yang meliputi keselamatan jalan raya, pengangkutan awam, kelestarian pengangkutan, Sistem Pengangkutan Pintar (Intelligent Transport System – ITS) serta tingkahlaku perjalanan dan kejuruteraan trafik (travel behavioural and traffic engineering).

Sejak 2010, beliau dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) oleh YAB Perdana Menteri.

Dalam dunia profesional, beliau merupakan Ahli Majlis Road Engineering Association of Malaysia (REAM), Ahli Majlis Intelligent Transport System (ITS) Malaysia, Ahli Institution of Transportation Engineers (ITE), Institution of Engineers Malaysia (IEM), Road Engineering Association of Asia and Australia (REAAA), Transportation Science Society of Malaysia (TSSM). Beliau kini merupakan ahli International Scientific Committee (ISC) untuk East Asia Society of Transportation Science (EASTS) dan pernah menjadi Pengerusi World Road Association (PIARC) Road Safety Operations bagi tempoh 2008 hingga 2011. Pada Jun 2013, beliau dilantik sebagai ahli Panel Profesional untuk melihat kembali keselamatan industri pembinaan jalan raya di Malaysia.

Beliau menerima Anugerah Tokoh Keselamatan Jalan Raya 2015 dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015